



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - KHAMIS, 26 DISEMBER 2024



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/12/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>PENDUDUK TERJEJAS BANJIR DI PAHANG MENINGKAT KEPADA 93</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/penduduk-terjejas-banjir-di-pahang-meningkat-kepada-93">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/penduduk-terjejas-banjir-di-pahang-meningkat-kepada-93</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>HUJAN BERTERUSAN, RAUB &amp; LIPIS KEMBALI DILANDA BANJIR</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/hujan-berterusan-raub-lipis-kembali-dilanda-banjir">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/hujan-berterusan-raub-lipis-kembali-dilanda-banjir</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/hujan-berterusan-landa-sabah-kelantan-terengganu-sehingga-31-disember-x9bbtjk">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/hujan-berterusan-landa-sabah-kelantan-terengganu-sehingga-31-disember-x9bbtjk</a>	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>PDRM, MCMC PERGIAT KESAN INDIVIDU MILIKI, EDAR BAHAN PENGANIAYAAN SEKSUAL KANAK-KANAK, PORNOGRAFI</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/pdrm-mcmc-pergiat-kesan-individu-miliki-edar-bahan-penganiayaan-seksual-kanak-kanak-pornografi/">https://www.buletintv3.my/nasional/pdrm-mcmc-pergiat-kesan-individu-miliki-edar-bahan-penganiayaan-seksual-kanak-kanak-pornografi/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/703920/berita/semasa/miliki-bahan-lucah-kanak-kanak-pdrm-skmm-terus-jejak-pelaku#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/703920/berita/semasa/miliki-bahan-lucah-kanak-kanak-pdrm-skmm-terus-jejak-pelaku#google_vignette</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=36VzAL23C9w">https://www.youtube.com/watch?v=36VzAL23C9w</a>	YOUTUBE	
	<a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/jenayah-seksual-kukuh-kapasiti-digital-tangani-jenayah-seksual-kanak-kanak-x9bbcze">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/jenayah-seksual-kukuh-kapasiti-digital-tangani-jenayah-seksual-kanak-kanak-x9bbcze</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.youtube.com/watch?v=4a5TsJn5efs">https://www.youtube.com/watch?v=4a5TsJn5efs</a>	YOUTUBE	



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/12/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>GANGGUAN SEKSUAL PERLU DITANGANI SECARA SERIUS</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/12/25/gangguan-seksual-perlu-ditangani-secara-serius/">https://malaysiagazette.com/2024/12/25/gangguan-seksual-perlu-ditangani-secara-serius/</a>	MALYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>PAKAR PSIKIATRI HANTAR MESEJ LUCAH KEPADA PESAKIT DIGUGUR DARIPADA DAFTAR PERUBATAN - MMC</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1341238/pakar-psikiatri-hantar-mesej-lucah-kepada-pesakit-digugur-daripada">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/12/1341238/pakar-psikiatri-hantar-mesej-lucah-kepada-pesakit-digugur-daripada</a>	BHARIAN.COM.MY	



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN ANALITIK HARIAN  
KHAMIS, 26 DISEMBER 2024




# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




## LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL

### PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI



### PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI




# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




## LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL




LIPUTAN BERDASARKAN JENIS MEDIA



LIPUTAN BERDASARKAN BAHASA MEDIA



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH MEDIA UTAMA

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
Miliki bahan lucu kanak-kanak: PDRM, SKMM terus jejak pelaku	5
Hujan berterusan, Raub & Lipis kembali dilanda banjir	2
Penduduk terjejas banjir di Pahang meningkat kepada 93	1


TAJUK BERITA UTAMA

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM


www.kpwkm.gov.my • kpwkm




## LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL



LIPUTAN BERDASARKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL



LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



PEMPENGARUH UTAMA/KOL

TAJUK BERITA	JUMLAH LIPUTAN
Dua kanak-kanak mangsa nahas tragis melibatkan lima kenderaan di Kilometer 204 Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) arah utara berhampiran kawasan rehat dan rawat.	6
Pantau Agenda Reformasi: Ancaman pedofilia, tangani sebelum parah	13
Lelaki berusia 19 tahun itu didakwa merakam video rakan sekerjanya yang juga merupakan seorang juruwang, di dalam tandas.	3

TAJUK TOPIK UTAMA



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

## LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL

### FRASA PALING POPULAR


trend yang sedang meningkat dalam mesej berkaitan topik



Most used in current period			Popularity change	Popularity score	Most used in previous period			Popularity score
1	kanak kanak		-0.7% ↓	100	1	kanak kanak	100	
2	kuala lumpur		-14.5% ↓	40	2	kuala lumpur	46	
3	media sosial		-17.3% ↓	35	3	media sosial	43	
4	berita terkini		1.1% ↑	30	4	kira kira	40	
5	ketua polis		-8.4% ↓	29	5	warga emas	35	

### HASHTAG PALING POPULAR

mesej dalam perbincangan dengan menggunakan hashtag yang relevan.



Most used in current period			Popularity change	Popularity score	Most used in previous period			Popularity score
1	#awaninews		21.2% ↑	100	1	#awaninews	100	
2	#buletintv3		87.5% ↑	38	2	#malysiagazette	43	
3	#awani745		NEW	38	3	#malysiamadani	37	
4	#buletinutama		NEW	28	4	#buletintv3	25	
5	#umrah		NEW	10	5	#sinarharian	22	



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm




## LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA

### METRIK UTAMA

Mentions	Impressions	Interactions	Avg. influence score	Opinion leaders
679 ↓	30.44M ↓	27.66k ↓	5.3/10 ↑	148 ↓
31.21% less than in previous period	-17.67% less than in previous period	-73.23% less than in previous period	2.69% more than in previous period	-15.91% less than in previous period


### LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN



**Net sentiment**  
This is +1 points compared to the previous period.

**Analyzed 679 mentions**


- 215 with positive sentiment
- 168 with neutral sentiment
- 296 with negative sentiment



**Mostly negative**  
The majority of conversations about this topic have negative sentiment.

### SUSURMASA LIPUTAN - ISU ISU SEMASA

- Miliki bahan lucah kanak-kanak: PDRM, SKMM terus jejak pelaku
- Penduduk terjejas banjir di Pahang meningkat kepada 93
- Hujan berterusan, Raub & Lipis kembali dilanda banjir



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## ANALISIS LIPUTAN MEDIA - AGENSI

### TOPIK UTAMA

#### GANGGUAN SEKSUAL PERLU DITANGANI SECARA SERIUS

##### LIPUTAN BERITA

- o GEJALA gangguan seksual di tempat kerja adalah isu serius yang mempengaruhi kesejahteraan pekerja dan produktiviti organisasi. Dalam konteks Malaysia, isu ini perlu ditangani dengan mengambil kira aspek perundangan, penerimaan budaya, konteks sosial dan panduan agama.
- o Statistik terkini menunjukkan peningkatan kes gangguan seksual di Malaysia dalam tempoh tiga tahun terakhir, dengan jumlah kes yang dilaporkan meningkat setiap tahun – 506 kes pada 2021, 477 (2022), dan 522 (2023). Lebih daripada 85 peratus mangsa setiap tahun adalah wanita iaitu 439 kes pada 2021, 422 (2022), dan 460 (2023).
- o Di tempat kerja, terdapat 95 kes gangguan seksual yang dilaporkan, dengan 88 peratus melibatkan wanita. Bagaimanapun, lebih membimbangkan trend peningkatan jenayah seksual terhadap kanak-kanak melalui media sosial iaitu 45 peratus pada 2023 berbanding tahun sebelumnya.

#### CADANGAN

Pengukuhan Polisi dan Perundangan dengan Menetapkan polisi anti-gangguan seksual sebagai syarat wajib di semua organisasi, termasuk prosedur pelaporan dan tindakan susulan. Selain itu, Menguatkuasakan Akta Gangguan Seksual 2021 dengan lebih tegas dan mempercepatkan proses perbicaraan kes gangguan seksual. Dengan melaksanakan cadangan ini, KPWKM dan LPPKN dapat memperkukuh usaha untuk menangani gangguan seksual

#### TINDAKAN

- KPWKM
- JKM



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Penduduk terjejas banjir di Pahang meningkat kepada 93

Nasional - Dicipta: 25 Disember 2024 11:33 PM - Kemas kini: 25 Disember 2024 11:33 PM



PPS di Pahang

**LIPIS, 25 Disember-** Jumlah penduduk terjejas banjir di Pahang meningkat kepada 93 orang setakat pukul 11.00 malam berbanding 45 orang petang tadi.

Kesemua mereka ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) yang dibuka di daerah Lipis dan Raub.

Menurut Portal InfoBencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kesemua 28 keluarga kini berlingung di tiga buah PPS.

Di Lipis, seramai 48 orang daripada 15 keluarga ditempatkan di PPS Masjid Kampung Beletik dan 41 orang daripada 12 keluarga di Sekolah Kebangsaan (SK) Lubuk Kulit.

Sementara di Raub, empat penduduk daripada satu keluarga berlingung di Balai Raya Kampung Tersang.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Hujan berterusan, Raub & Lipis kembali dilanda banjir

Nasional - Dicipta: 25 Disember 2024 02:37 PM - Kemas kini: 25 Disember 2024 02:41 PM



Foto APM Lipis

**KUALA LIPIS, 25 Disember**- Hujan lebat berterusan sejak semalam menyebabkan Pahang kembali dilanda banjir.

Setakat pukul 2.00 petang, tiga pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di daerah Lipis dan Raub.

Menurut Portal InfoBencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), seramai 40 penduduk terdiri daripada 13 keluarga ditempatkan ke PPS tersebut.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## PDRM, MCMC pergiat kesan individu miliki, edar bahan penganiayaan seksual kanak-kanak, pornografi

🕒 25 Disember 2024, 3:40pm



Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain. – Foto fail NSTP

**KUALA LUMPUR:** Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) akan mempergiatkan usaha mereka untuk menjejak individu yang memiliki, menyimpan dan mengedar bahan lucah serta bahan penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak (CSAM).

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain, berkata pihaknya juga akan terus menjalankan Op Pedo dari semasa ke semasa bagi mencegah kegiatan berkenaan.

“Kita bekerjasama dengan MCMC bagi mengesan dan mendapatkan maklumat berkaitan, PDRM juga sedang mengenal pasti sama ada terdapat pembabitin sindiket dalam kegiatan berkenaan atau dilakukan secara individu.

“Individu lain yang terbabit dalam kegiatan ini juga sedang dikesan. Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kegiatan ini juga boleh menyalurkannya kepada PDRM bagi membantu siasatan,” katanya.

Semalam, Razarudin dalam kenyataannya berkata, seorang warga emas antara 13 lelaki ditahan kerana disyaki melakukan kesalahan seksual secara dalam talian membabitkan CSAM dalam Op Pedo Isnin lalu.

Razarudin berkata, suspek berumur 74 tahun itu dan 12 yang lain ditahan dalam operasi bersepadu bersama MCMC di enam negeri iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Perak, Johor dan Terengganu.

Turut dirampas dalam op berkenaan adalah 40,000 CSAM dan bahan pornografi dewasa selain tujuh komputer, 11 telefon bimbit, sembilan router, tujuh modem serta masing-masing satu komputer riba, cakera video digital dan cakera keras. – BERNAMA

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Gangguan seksual perlu ditangani secara serius

Oleh Rencana - 23 December 2024



Gambar hiasan

**GEJALA** gangguan seksual di tempat kerja adalah isu serius yang mempengaruhi kesejahteraan pekerja dan produktiviti organisasi. Dalam konteks Malaysia, isu ini perlu ditangani dengan mengambil kira aspek perundangan, penerimaan budaya, konteks sosial dan panduan agama.

Statistik terkini menunjukkan peningkatan kes gangguan seksual di Malaysia dalam tempoh tiga tahun terakhir, dengan jumlah kes yang dilaporkan meningkat setiap tahun – 506 kes pada 2021, 477 (2022), dan 522 (2023). Lebih daripada 85 peratus mangsa setiap tahun adalah wanita iaitu 439 kes pada 2021, 422 (2022), dan 460 (2023).

Di tempat kerja, terdapat 95 kes gangguan seksual yang dilaporkan, dengan 88 peratus melibatkan wanita. Bagaimanapun, lebih membimbangkan trend peningkatan jenayah seksual terhadap kanak-kanak melalui media sosial iaitu 45 peratus pada 2023 berbanding tahun sebelumnya.

Gangguan seksual di tempat kerja merujuk kepada sebarang tingkah laku yang bersifat seksual yang tidak diingini dan memberi kesan kepada maruah, kesejahteraan, atau prestasi individu di tempat kerja. Ia boleh berbentuk fizikal, lisan, bukan lisan, atau berbentuk psikologi yang mencetuskan perasaan tidak selesa atau tidak selamat kepada mangsa.

Gangguan seksual sering kali melibatkan ketidakseimbangan kuasa, apabila pelaku menggunakan kedudukannya untuk mengeksploitasi mangsa. Jenis-jenis gangguan seksual termasuk gangguan verbal seperti komen berunsur seksual, jenaka lucah, atau ucapan yang menghina.

Gangguan fizikal pula merangkumi sentuhan tidak diingini, pelukan paksa, atau tingkah laku yang melibatkan tubuh mangsa tanpa persetujuan. Gangguan bukan lisan termasuk isyarat tubuh, pandangan yang tidak sopan, atau perkongsian imej dan kandungan berunsur seksual tanpa izin. Dalam dunia digital, gangguan seksual siber seperti mesej berunsur seksual atau ugutan melalui platform komunikasi juga semakin meningkat.

Salah satu contoh terbaharu gangguan seksual di tempat kerja melibatkan kes seorang profesor di sebuah universiti awam yang didakwa menghantar mesej jelic kepada pelajarannya baru-baru ini. Kes ini telah mencetuskan perbincangan meluas di media sosial dan mendapat perhatian pihak berkuasa universiti.

Walaupun butiran lengkap kes ini tidak didedahkan, ia mencerminkan isu penyalahgunaan kuasa dan tingkah laku tidak profesional dalam kalangan kakitangan akademik. Kes ini menyerlahkan keperluan untuk institusi pendidikan tinggi memperkenalkan dasar anti-gangguan seksual yang lebih ketat.

Universiti perlu memastikan terdapat mekanisme aduan yang mudah dan perlindungan kepada mangsa yang berani tampil membuat laporan. Selain itu, kesedaran tentang kepentingan etika profesional dan penghormatan terhadap rakan sekerja dan pihak-pihak lain yang berkaitan, perlu diterapkan secara konsisten melalui program latihan tertentu dan program kesedaran.

Malaysia telah memperkenalkan undang-undang yang bertujuan melindungi pekerja daripada gangguan seksual. Akta Kerja 1955 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 menggariskan keperluan majikan untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan bebas daripada gangguan. Selain itu, Kod Amalan untuk Mencegah dan Membasmi Gangguan Seksual di Tempat Kerja, yang diperkenalkan pada tahun 1999, menyediakan panduan kepada majikan untuk menangani aduan gangguan seksual.

Namun, pelaksanaan undang-undang ini masih menghadapi cabaran. Ramai pekerja yang menjadi mangsa gangguan seksual tidak melaporkan kejadian tersebut kerana kekurangan pengetahuan tentang hak mereka atau ketakutan terhadap kemungkinan kesan buruk, seperti kehilangan pekerjaan atau stigma sosial. Tambahan pula, prosedur aduan yang kompleks dan kekurangan perlindungan saksi turut menyumbang kepada kadar laporan yang rendah.

Oleh itu, usaha perlu dipertingkatkan untuk menguatkuasakan undang-undang sedia ada dan memastikan akses kepada keadilan bagi mangsa. Ini termasuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pekerja dan majikan, serta menyediakan latihan khusus kepada pihak pengurusan untuk mengenali dan menangani gangguan seksual dengan berkesan.

Budaya memainkan peranan penting dalam menentukan bagaimana gangguan seksual di tempat kerja difahami dan ditangani. Di Malaysia, elemen budaya patriarki atau sistem sosial yang menempatkan lelaki sebagai penguasa dan dominan, sementara golongan wanita berada di bawah arahnya sering menjadi penghalang kepada usaha membasmi gangguan seksual. Dalam banyak kes, mangsa wanita mungkin enggan melaporkan gangguan kerana bimbang akan dipersalahkan atau dicemooh oleh masyarakat.

Di samping itu, budaya hormat kepada hierarki juga mempengaruhi situasi ini. Dalam persekitaran kerja yang mana kuasa dan autoriti diagungkan, gangguan seksual oleh individu yang berada di kedudukan lebih tinggi sering kali tidak dipersoalkan. Hal ini menyebabkan mangsa merasa sukar untuk mempertahankan diri atau mencari keadilan.

Untuk menangani cabaran ini, perubahan budaya diperlukan. Kempen kesedaran masyarakat yang menekankan kepentingan menghormati hak individu dan menolak normalisasi tingkah laku gangguan seksual perlu digalakkan. Pendidikan awal di sekolah juga boleh membantu membentuk nilai yang lebih inklusif dan menghormati.

Dari segi sosial, isu gangguan seksual di tempat kerja turut dipengaruhi oleh faktor seperti gender, pendidikan, dan status sosioekonomi. Wanita sering menjadi mangsa utama, terutamanya dalam sektor pekerjaan yang kurang dilindungi seperti perkilangan dan perkhidmatan domestik. Golongan pekerja berpendapatan rendah atau dengan pendidikan rendah mungkin kurang memahami hak mereka atau berasa kurang berdaya untuk melawan.

Selain itu, media sosial juga memainkan peranan dalam mempengaruhi persepsi masyarakat tentang gangguan seksual. Di satu sisi, ia memberikan platform untuk mangsa bersuara dan mendapatkan sokongan. Di sisi lain, ia juga boleh menjadi tempat untuk memperbesar atau menormalisasi tingkah laku gangguan seksual, terutamanya apabila terdapat kurangnya kawalan terhadap kandungan yang disebar.

Dalam menangani aspek sosial ini, pendekatan holistik diperlukan. Kerjasama antara kerajaan, organisasi masyarakat sivil, dan sektor swasta adalah penting untuk menyediakan pendidikan dan sokongan kepada mangsa. Majikan juga perlu memastikan bahawa polisi tempat kerja mereka bersifat inklusif dan sensitif kepada keperluan pekerja dari pelbagai latar belakang.

Islam sendiri menawarkan penyelesaian komprehensif untuk menangani isu gangguan seksual di tempat kerja dengan menekankan nilai moral, tanggungjawab sosial, dan panduan syariah. *Islam menggalakkan nilai taqwa dan akhlak mulia, seperti menjaga pandangan dan berinteraksi dengan sopan (Surah An-Nur 24:30-31).*

Majikan bertanggungjawab menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan menghormati hak pekerja, selaras dengan hadis Nabi SAW: *"Setiap kamu adalah pemimpin, dan setiap pemimpin akan dipertanggungjawabkan atas apa yang dipimpinnya."* (Riwayat Bukhari dan Muslim). Sokongan terhadap mangsa gangguan seksual melalui keadilan dan bantuan daripada pelbagai institusi sosial turut dianjurkan berdasarkan prinsip 'Amal Maaruf Nahi Munkar. Pendekatan Islam ini, jika dilaksanakan sepenuhnya, mampu mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan bermaruah, serta bebas daripada unsur-unsur negatif berkaitan gangguan seksual.



Oleh: Prof. Madya Dr. Khairunneezam Mohd Noor, Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Pakar psikiatri hantar mesej lucah kepada pesakit digugur daripada daftar perubatan - MMC

Oleh Saadiah Ismail - Disember 25, 2024 @ 8:21pm  
saadiah\_ismail@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Majlis Perubatan Malaysia (MMC) menggugurkan seorang pakar psikiatri daripada senarai pendaftarannya berikutan penggantungan selama setahun selepas didapati bersalah mengganggu seksual pesakitnya.

Keputusan itu dibuat oleh Pengerusi Lembaga Disiplin (DB) MMC, Prof Emerita Dr Nor Hayati Othman, pada 19 November lalu, seperti dilaporkan oleh CodeBlue.

Lembaga Disiplin MMC mencadangkan penggantungan selama setahun terhadap doktor berkenaan selepas mendapati beliau terbabit dalam 'salah laku profesional yang serius'.

Aduan itu difailkan oleh pesakit wanita lima tahun lalu, yang kini berusia 30 tahun.

Menurut laporan, doktor itu menghantar mesej lucah kepada pesakit wanita itu pada Jun 2019 ketika beliau berada dalam keadaan emosi dan mental yang terjejas.

Tindakan itu melanggar Seksyen 2.2.4 Kod Etika Profesional MMC, yang melarang hubungan peribadi antara pengamal perubatan dan pesakit.

"Adalah tidak wajar bagi seorang pengamal perubatan menjalin hubungan emosi atau seksual dengan mana-mana pesakit, apatah lagi pesakit yang sedang menerima rawatan kesihatan mental," kata laporan penghakiman DB.

Ketika itu, doktor berkenaan bertugas di sebuah hospital swasta di Selangor dan merawat wanita itu yang juga mangsa rogol, dengan gangguan tekanan pasca-trauma (PTSD).

Seksyen 2.2.4 menetapkan bahawa pengamal perubatan tidak boleh menjalin hubungan emosi atau seksual dengan pesakit atau ahli keluarga pesakit yang boleh menyebabkan gangguan atau tekanan kepada pesakit tersebut.

MMC dalam kenyataan kepada CodeBlue berkata, "MMC telah mendapati (doktor psikiatri) bersalah atas salah laku profesional yang serius di bawah Seksyen 29(2)(b) Akta Perubatan 1971.

Sebagai akibatnya, beliau sudah digantung daripada daftar di bawah Seksyen 30(1)(c) Akta Perubatan 1971 untuk tempoh satu tahun.

Penggantungan itu berkuat kuasa selepas surat hukuman diterima oleh doktor terbabit. Bagaimanapun, perintah itu hanya akan disahkan secara rasmi dalam daftar MMC dan diterbitkan di laman webnya selepas tempoh 30 hari, di mana pengamal berhak membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi.

Pesakit wanita itu mendakwa doktor itu masih aktif merawat pesakit di klinik psikiatrianya di Petaling Jaya, Selangor, yang terletak berdekatan rumahnya.

Menurut tangkapan layar skrin perbualan WhatsApp yang dikongsi oleh wanita itu, klinik tersebut menawarkan slot temu janji untuk doktor itu Jumaat ini, bagaimanapun, apabila CodeBlue menghubungi klinik itu, mereka memaklumkan bahawa Dr GS "tidak menerima pesakit baharu".

Doktor berkenaan dibebaskan oleh Mahkamah Majistret Petaling Jaya pada Januari 2023 daripada tuduhan mencabul pesakitnya mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan.

Namun, DB MMC menyatakan bahawa keputusan mahkamah tidak relevan dengan siasatan mereka kerana ia tertumpu kepada bukti di bawah bidang kuasa DB.

Sementara itu, Presiden MMC, Dr Muhammad Radzi Abu Hassan, yang juga Ketua Pengarah Kesihatan, belum memberikan penjelasan lanjut mengenai isu ketelusan dan ketepatan maklumat dalam daftar disiplin MMC.

Keputusan MMC untuk menggugurkan doktor berkenaan daripada daftar perubatan adalah mengikut Seksyen 30(1)(c) Akta Perubatan 1971, yang menghalangnya daripada praktis untuk tempoh tertentu.

Namun, menurut CodeBlue, doktor itu masih tersenarai dalam Daftar Pakar Kebangsaan (NSR) pada waktu laporan ini ditulis.